

ISU HUDUD DI MALAYSIA: PERSPEKTIF PASCA-ISLAMISME

1057

MUHAMMAD FAIZ MUKMIN BIN ABDUL MUTALIB
HAMZAH BIN OMAR

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Jabatan Dakwah dan Usuluddin
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

*Pasca-Islamisme adalah idea tentang wacana baru yang diketengahkan oleh gerakan Islam dalam politik demokrasi. Wacana ini menjadi topik hangat di kalangan ahli akademik dan pemerhati gerakan Islam. Wacana ini dipopularkan oleh Asef Bayat dalam artikel beliau yang berjudul *The Coming of a Post-Islamist Society*. Tujuan artikel ini ingin melihat sejauhmana pasca-Islamisme di Malaysia dibincangkan khususnya isu yang menjadi fokus dalam artikel ini iaitu hudud yang dibawa oleh PAS. Kajian ini adalah kajian penyelidikan kualitatif, sumber yang diperolehi dianalisa dengan beberapa cara seperti analisis kandungan, kajian pensejarahan dan kajian perbandingan. Hasil penelitian penulis mendapati isu hudud telah dibincangkan menurut perspektif pasca-Islamisme oleh tokoh-tokoh politik dan akademik. Tahap pasca-Islamisme yang ada di Malaysia boleh dikategorikan masuk tahap kedua apabila kelompok pasca-Islamis kini sudah mula memasuki pemerintahan di Malaysia.*

Kata Kunci: Pasca-Islamisme, PAS, Hudud

1.0 Pendahuluan

Era pasca-Islamisme, isu hudud mula dilihat asing oleh kelompok-kelompok yang mementingkan demokrasi. Mereka melihat politik baru yang mengengahkan isu-isu kronisme, korupsi, ISA (*Internal Security Act*) dan OSA (*Official Secrets Act*), nepotisme dan pembaziran wang rakyat sebagai sebab kepada penambahan undi kepada PAS. Politik lama seperti tidak lagi berkesan menarik rakyat menyokong PAS (Dzulkefy Ahmad 2012: 190-191). Isu hudud hanya lantang di kalangan ulama atau kelompok agama di dalam PAS. Memandangkan di dalam PAS sendiri penerimaan hudud berbelah bahagi selepas *taḥalluf siyāsī* dengan DAP dan PKR (Parti KeAdilan Rakyat), peluang ini nampaknya dimanfaatkan oleh mereka yang mahu menolak hudud dijalankan. Dari segi undang-undang, sejak mutakhir ini, para pendokong faham Islam liberal memelopori inisiatif demi inisiatif untuk memberikan makna undang-undang yang baru kepada hak kebebasan beragama dan bidangkuasa mahkamah syariah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mereka menganjurkan tafsiran kebebasan beragama yang liberal, termasuk mengiktiraf “hak” seorang Muslim untuk murtad (Marzuki Mohamad 2009). Keadaan ini makin terzahir apabila PAS sebagai gerakan Islam tidak lagi lantang bersuara mempertahankan hudud. Suara-suara yang keras di dalam PAS menentang kebebasan melampau ini makin lama makin tersingkir dari PAS¹. Apabila

¹Merujuk kepada pemecatan Bekas Pesuruhjaya PAS Selangor Hasan Ali yang lantang menentang murtad sehingga melanggar arahan parti yang tidak membenarkan mana-mana ahli mereka mengikuti program

PAS sebagai gerakan Islam yang tua dan besar bilangan ahlinya tidak lagi memainkan peranan sebagai gerakan Islam maka NGO-NGO seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), JIM (Jemaah Islah Malaysia) dan PUM (Persatuan Ulama Malaysia) terpaksa beraksi menolak kelompok liberal (Marzuki Mohamad 2009: 160). PAS kini nampaknya lebih memfokuskan isu politik semata-mata. Peranan sebagai gerakan Islam yang mana harus memfokuskan kepentingan umat Islam dilihat mula ditinggalkan oleh PAS, akhirnya ruang itu dimanfaatkan oleh kelompok yang ingin menolak hudud untuk lebih lantang bersuara.

2.0 Perbincangan

Jika dahulu kita boleh menilai bagaimana PAS memandang pelaksanaan syariat adalah satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan setelah mendapat tampuk kekuasaan. Nik Muhammad Zawawi sebagai Pemangku Naib Ketua Dewan Ulama PAS Pusat menyebut, peraturan ini (syariat Islam) ialah ketetapan dari Allah SWT dan RasulNya yang tidak boleh ditukar ganti dan diubahsuai dengan mana-mana perundangan dan sistem yang lain sehingga hari kiamat (Nik Muhammad Zawawi Salleh 2014). Seolah-olah tidak ada alasan bagi orang yang berkuasa. Namun kini, pelaksanaan syariat Islam mula dilihat dari dimensi berbeza. Mujahid Yusuf Rawa (2014: 162-167) Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional PAS Pusat pernah meminta supaya pelaksanaan hudud dinilai dari sudut psiki masyarakat Cina. Beliau menggambarkan bagaimana kebimbangan masyarakat Cina di Malaysia terhadap pelaksanaan hudud hasil salah faham mereka terhadap maksud hudud. Mujahid menambah kebimbangan masyarakat Cina berasas dan mereka berhak mempertikai hudud memandangkan 80 peratus undi masyarakat Cina adalah kepada Pakatan Rakyat. Secara tidak langsung, kini di dalam PAS tidak semua yang datang dari kelompok ulama akan diterima dan dipatuhi malah akan diperdebatkan. Pelaksanaan syariat mula dipertikaikan samada atas alasan rakyat kurang faham atau suasana yang tidak mengizinkan. Berdasarkan respon ini, difahami bahawa ada di kalangan pimpinan PAS tidak meletakkan kepentingan parti tetapi kepentingan rakyat secara demokrasi.

Terdapat banyak lagi respon-respon dari pimpinan PAS serupa ini yang meminta hudud dinilai dari pelbagai aspek. Seperti respon Khalid Samad (Khalid Samad 2014), Dzulkefly Ahmad (Sinar Harian 2012) dan Hanipa Maidin (Diyana Ibrahim 2014). Apabila kenyataan-kenyataan pimpinan AJK PAS pusat sendiri bercanggah dengan ketetapan parti, ini menunjukkan PAS seolah tidak kukuh malah sedang bergolak. Sebagai sebuah parti Islam dan memperjuangkan agenda hudud, PAS sepatutnya tidak dipengaruhi dengan respon-respon luar samada media, rakan dalam pakatan dan ahli-ahli mereka sendiri. Kebersamaan di kalangan ahli-ahli PAS sepatutnya wujud selepas parti menetapkan satu ketetapan. Keadaan ini menunjukkan ketidaktegasan presiden parti sehingga membiarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan parti terus keluar. Jika keadaan ini berterusan isu hudud tidak akan ada penyelesaian yang tuntas. Cita-cita PAS akan terus mendapat tentangan samada dari kalangan orang Islam dan juga bukan Islam. Polemik berkaitan hudud akan dimainkan khususnya menjelang pilihanraya. Bagi orang bukan Islam, isu hudud bakal menimbulkan Islamophobia jika PAS tidak berusaha bersungguh-sungguh memberi penerangan tentang hudud. Jika keadaan ini berterusan tidak mustahil PAS akan dilabel sebagai parti yang mempergunakan isu hudud bagi meraih sokongan orang Islam tetapi tidak benar-benar ingin melaksanakannya.

Himpunan Sejuta Umat kerana menganggap ianya sebagai agenda politik parti pemerintah (Farush Khan, Wan Normi Hasan, Wan Saidatul Fadzilah 2012).

PAS dalam kata lain seperti mengalami masalah identiti. Mereka masih tidak mampu menetapkan pendirian sebagai gerakan Islam yang macam mana harus mereka berdiri. PAS tidak konsisten menegakkan hudud. Kadang kala tegas, satu ketika berdolak-dalih mengenai isu hudud. Jika PAS terus bersikap begini, ianya dibimbangi menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat khususnya umat Islam dan orang Melayu. Sebagai gerakan Islam yang dianggotai hampir keseluruhan berbangsa Melayu, PAS seharusnya berdiri sebagai parti yang menjaga kepentingan Islam dan umat Islam yang mana kebanyakannya orang Melayu.

3.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, PAS tidak boleh tergesa-gesa ingin melaksanakan hudud ataupun kanun jenayah syariah. Dua halangan utama iaitu dari sudut politik dan perundangan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum hudud ingin dilaksanakan. Hakikatnya, isu pelaksanaan hudud memerlukan perbincangan yang lebih panjang dan bukannya sekadar isu politik semata-mata. Ia melibatkan dimensi akademik, perundangan, keselamatan, hubungan kaum, pendidikan dan memerlukan pendekatan secara holistik. Pendekatan menyeluruh dan tidak tergesa-gesa ini penting memandangkan komposisi kaum dan agama di Malaysia dan juga sikap prejudis yang wujud dalam agama lain, walaupun terselindung, di dalam hati sesetengah warga Malaysia. Di samping itu, peranan Majlis Raja-Raja yang menjadi ketua agama di negeri masing-masing perlu diambil kira. Memandangkan agama di negeri-negeri terletak di bawah kuasa raja-raja seperti yang termaktub di dalam undang-undang negeri. Maka peranan Majlis Raja-Raja perlu diambil kira dan tidak boleh dikesampingkan. Apa yang pasti ialah PAS bersendirian sahaja tidak akan dapat memaksakan pelaksanaan hudud tanpa sokongan dua pertiga ahli parlimen untuk pindaan perlembagaan. Apatah lagi era pasca-Islamisme, kerencaman pemikiran akan lebih menyukarkan PAS mempengaruhi para ahli parlimen menyokong gagasan hudud mereka. Jika PAS tiada usaha untuk membaiki dan mengatasi keadaan ini, kesannya sudah pasti merugikan Islam dan umat Islam. Islam tidak akan dipandang sebagai pemberi solusi kepada masalah rakyat di Malaysia malah bakal membebankan rakyat dengan isu hudud yang disalahfahami oleh sebahagian mereka. Umat Islam yang memperjuangkan hudud pula akan dipandang serong. Namun akhir-akhir ini, isu hudud kembali menjadi hangat (Malaysiakini 2015), dijangka penentangan terhadap hudud bertambah hebat memandangkan PAS masih belum menyelesaikan masalah kefahaman rakan *taḥalluf* mereka iaitu DAP.